

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2020/03/09 - 13

PERMOHONAN PENANGGUHAN BAYARAN ANGGARAN CUKAI DAN PINDAAN ANGGARAN CUKAI PADA BULAN KETIGA ANSURAN DALAM TAHUN 2020 DI BAWAH PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI (PRE) 2020

1. Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan PRE 2020 untuk menangani impak ekonomi kesan daripada wabak COVID-19. Antara langkah-langkah yang akan dilaksanakan termasuklah:
 - i. Penangguhan bayaran anggaran cukai bagi tempoh enam (6) bulan bermula 1 April 2020 sehingga 30 September 2020 kepada pembayar cukai di bawah sektor pelancongan iaitu agensi pelancongan, pengusaha hotel dan syarikat penerbangan; dan
 - ii. Membenarkan pindaan anggaran cukai pada bulan ketiga ansuran jika bulan ketiga ansuran tersebut jatuh dalam tahun 2020 kepada pembayar cukai bagi semua sektor perniagaan yang terjejas.
2. Sehubungan itu, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa **Borang Permohonan Penangguhan Bayaran Anggaran**

Cukai dan Borang Permohonan Pindaan Anggaran Cukai Pada Bulan Ke-3 Ansuran Dalam Tahun 2020 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 2020 telah dimuatnaik ke Portal Rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my.

3. Dokumen tersebut boleh diakses, dimuat turun dan dicetak dengan mengikut langkah mudah seperti yang berikut :

www.hasil.gov.my > Borang > Muat turun Borang > Lain-lain Borang >

i. Borang Permohonan Penangguhan Bayaran Anggaran Cukai.

Atau capaian pantas di pautan berikut:

http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfborang/Borang_Permohonan_Penangguhan_Bayaran_Anggaran_Cukai_05032020_1.pdf

(Bahasa Melayu)

ii. Borang Permohonan Pindaan Anggaran Cukai Pada Bulan Ke-3 Ansuran Dalam Tahun 2020.

Atau capaian pantas di pautan berikut:

http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfborang/Borang_Permohonan_Pindaan_Anggaran_Cukai_Pada_Bulan_Ke_3_Ansuran_Dalam_Tahun_2020_05032020_1.pdf

(Bahasa Melayu)



4. Borang permohonan perlu dilengkapkan dan boleh dikemukakan mulai 1 Mac 2020 ke alamat seperti di bawah:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Bahagian Pengurusan Rekod dan Maklumat Percukaian
Jabatan Operasi Cukai
Menara Hasil Bangi, Aras 7
No. 3, Jalan 9/10, Seksyen 9
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan

5. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Hasil Recovery Call Centre (HRCC) di talian 03-8751 1000 atau layari portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



**Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☐ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21965/21674/21663 | ☐ : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 09 Mac 2020



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube